

**JAWAPAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS
SEMPENA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**

.....

**YB. ENCIK LEE AH WONG,
SMP., PKC.
- ADN KAWASAN CHEKA**

PERTANYAAN 1.

Sebagai satu langkah untuk membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat, kerajaan Pahang telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh hak milik tanah (kegunaan kediaman) selama 99 tahun lagi untuk penduduk di Kampung Baru Cina di Pahang. Walau bagaimanapun, kononnya kerajaan telah menangguhkan pengurusan pelanjutan tempoh hak milik ini.

- a) Sekiranya penangguhan ini benar, mengapa?
- b) Sekiranya pengurusan perlanjutan masih diproses, berapakah permohonan telah diluluskan (ikut daerah) sehingga sekarang?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG

- a) Penangguhan tersebut adalah kerana:
 - i. Penetapan kadar premium yang baharu.
 - ii. Semakan status tanah jika ada berlaku pelanggaran syarat.

PERTANYAAN 2.

Untuk memajukan lagi industri pelancongan negeri Pahang, Tahun Melawat Pahang Tahun 2020 telah dirancang tetapi tidak terlaksana akibat penularan pandemik COVID-19.

- a) Apakah pelan alternatif kerajaan selepas Perintah Kawalan Pergerakan ditamatkan?
- b) Apakah bantuan yang telah dan akan disalurkan kepada pihak yang mengusahakan industri pelancong di negeri Pahang selepas Perintah Kawalan Pergerakan?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA NEGERI PAHANG

- a) Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Kempen Persekutuan Semarakkan Percutian Domestik bagi menggalakkan dan merencanakan kembali ekonomi negara di bawah sektor pelancongan.
- b)
 - i. Bantuan sebanyak RM100.00 kepada pemandu pelancong dan pemandu bot (di bawah kerajaan negeri) dan bantuan bayaran bernilai RM50.00.
 - ii. Bantuan dari segi promosi dan khidmat nasihat bersama pakar melalui atas talian Klinik Khidmat Nasihat Maya (T-VAC).

JAWAPAN DARIPADA TOURISM PAHANG

- a) Kerajaan negeri akan memberi penekanan ke arah usaha untuk meningkatkan keyakinan pasaran untuk melancong semula.

Kerajaan negeri juga akan memberi tumpuan kepada pasaran tempatan (domestik) melalui platform digital, digital *marketing*, media cetak dan lain-lain. Video promosi pelancongan dan pakej-pakej pelancongan istimewa akan dimuat naik di sosial media dan laman web Tourism Pahang dan Tourism Malaysia.

Mengadakan Khidmat Nasihat Secara Dalam Talian/Maya "Tourism Virtual Advisory Clinic (T-VAC)" yang diusahakan bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia. Khidmat nasihat ini membuka peluang kepada semua pengusaha-pengusaha pelancongan mendapatkan nasihat kepakaran, pengurusan dan kewangan dalam menghadapi realiti dan norma baru bagi mendepani pandemik COVID-19 yang dijangka terus kekal dalam kehidupan kita di masa-masa hadapan.

Mengaktifkan kerjasama negeri-negeri jiran yang bersempadanan seperti Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan serta negeri-negeri wilayah pantai timur (Terengganu dan Kelantan) dalam memasarkan pakej-pakej menarik intra-negeri.

Seterusnya, kerajaan negeri juga akan terus bersama Tourism Malaysia di dalam program-program promosi mereka.

JAWAPAN DARIPADA TOURISM MALAYSIA WILAYAH TIMUR

Kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah membolehkan pengoperasian semula sektor pelancongan domestik bermula 10 Jun 2020. Ini sekali gus memberi nafas lega kepada rakyat di negara ini, terutamanya penggiat industri pelancongan untuk merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terjejas ketika tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB yang lalu.

Kementerian telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha untuk merencanakan semula industri yang terjejas teruk berikutan krisis COVID-19. Terdapat 5 (lima) strategi yang telah dikenal pasti iaitu:

- (i) memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat;
- (ii) merencanakan semula pelancongan domestik. Meskipun sempadan negara masih belum dibuka, kementerian yakin bahawa pelancongan domestik mampu menyumbang kepada fasa pemulihan ekonomi negara ini. Berdasarkan statistik pelancongan domestik 2019, seramai 84.7 ketibaan pelancong domestik dengan perbelanjaan sebanyak RM67.9 bilion telah direkodkan berbanding 78.2 juta pelancong domestik dan RM60.4 bilion perbelanjaan pada tahun 2019. Pertumbuhan sebanyak 8.3% dan 12.3% masing-masing ini jelas menunjukkan keupayaan pelancongan domestik dalam membantu merencanakan industri pelancongan negara sementara menunggu sempadan negara dibuka. Di samping itu, menerusi inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi, kerajaan juga telah bersetuju memberi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021 bagi merencanakan lagi pelancongan domestik;
- (iii) meneroka potensi ketibaan pelancong asing dari pasaran jarak dekat seperti negara ASEAN terutamanya melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negera jiran atau negara-negera zon hijau yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada perbincangan dua hala antara kedua-dua negara bagi memastikan protokol-protokol keselamatan dan kesihatan yang dipersetujui bersama dapat dilaksanakan dengan sistematik dan teratur;

- (iv) memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema dan MICE; dan
- (v) memaksimumkan sumber sedia ada melalui kerjasama dengan pelbagai agensi.

Bagi tempoh jangka masa panjang, kementerian akan terus komited melaksanakan pelancongan lestari serta meningkatkan pendapatan pelancongan menerusi kehadiran *quality tourists* atau *high yield tourists* yang berbelanja tinggi, melawat dan menetap lama di sesuatu destinasi pelancongan. Langkah ini adalah seiring dengan *Agenda Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam semula jadi, seni budaya dan warisan.

PERTANYAAN 3.

Loji Air di Kampung Mela dan Loji Air di Kampung Kechau perlu dinaiktaraf untuk mengatasi masalah bekalan air bersih kepada rakyat yang berkenaan.

- a) Apakah rancangan atau projek pihak PAIP dan pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini?
- b) Kalau usaha atau projek telah dibuat, apakah status usaha/projek itu?

JAWAPAN DARIPADA PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD (PAIP)

- a) Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah merancang dan mengambil tindakan untuk menaiktaraf Loji Air Mela berikutan permintaan yang semakin meningkat.

Manakala untuk Loji Air Kechau pula, kerja-kerja menaiktaraf Loji sedang dilaksanakan oleh PAIP.

- b) Loji Air Mela.

Status pelaksanaan projek adalah di peringkat penyediaan "Term of References" (TOR) bagi perlantikan perunding bagi projek berkenaan oleh pihak KPLB.

Loji Air Kechau.

Kerja-kerja menaik taraf loji air sedang dijalankan dengan status adalah sebagaimana berikut:

Tarikh Milik Tapak: 17 Februari 2020

Tarikh Siap Asal: 5 Julai 2021

Jangkaan Kontrak: 72 Minggu

Harga Kontrak: RM4,663,559.70

Status kemajuan projek semasa sehingga 7 Julai 2020 adalah seperti berikut:

Perkara	Peratus Kemajuan (%)
1. Kemajuan Jadual	2.60 %
2. Kemajuan Sebenar	2.60 %
3. Cepat/Lewat (%)	-
4. Cepat/Lewat (Hari)	-

PERTANYAAN 4.

Projek naik taraf Loji Air Jelai dijangka siap pada akhir tahun 2019 hanya akan siap pada tahun 2020.

- a) Apakah status projek naik taraf Loji Air Jelai?
- b) Apabila projek ini siap, apakah impak atau manfaat kepada pengguna?

JAWAPAN DARIPADA PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD (PAIP)

- a) Status kemajuan projek naik taraf Loji Air Jelai sehingga 7 Julai 2020 adalah seperti berikut:

Perkara	Peratus Kemajuan (%)
1. Kemajuan Jadual	91.0%
2. Kemajuan Sebenar	49.0%
3. Cepat/Lewat (%)	Lewat 42.0 %
4. Cepat/Lewat (Hari)	Lewat 175 hari

- b) Apabila projek ini disiapkan, pengguna di kawasan agihan Loji Air Sungai Jelai akan menerima bekalan air secara konsisten terutamanya penduduk di penghujung sistem agihan dan penduduk di kawasan tinggi yang selama ini sering mengalami gangguan putus bekalan air ataupun tekanan air rendah.

PERTANYAAN 5.

Projek PR1MA Pahang di Tanjung Lipis, daerah Lipis banyak membantu golongan rakyat yang memerlukan rumah mampu milik.

- a) Sila kategorikan bilangan rumah ikut jenis yang akan dibina di PR1MA Pahang Tanjung Lipis?
- b) Apakah status projek PR1MA Pahang Tanjung Lipis?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERUMAHAN)

- a) Projek di Tanjung Lipis bukan projek PR1MA tetapi projek pembangunan makmur dan pembangunan bercampur. Kategori rumah yang akan dibina adalah seperti berikut:
 1. Pembangunan Makmur - 171 unit.
 2. Pembangunan PSK:
 - Rumah berkembar - 24 unit.
 - Rumah teres kos sederhana tinggi - 79 unit.
 - Rumah teres kos sederhana rendah - 37 unit.
- b) Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dalam proses untuk mengeluarkan hakmilik individu bagi projek tersebut.

PERTANYAAN 6.

Kerajaan negeri yang prihatin dan berjiwa rakyat berusaha untuk membantu rakyat dan usahawan di negeri Pahang yang terkesan oleh Perintah Kawalan Pergerakan.

- a) Adakah kerajaan negeri merancang untuk memberi diskaun atau menangguhkan pelaksanaan semakan kadar cukai tanah tahun 2020?
- b) Kalau ya, apakah bantuan atau diskaun yang akan diberi kepada seluruh rakyat dan usahawan di negeri Pahang?
- c) Kalau jawapan ialah tidak, apakah alasan?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI)

Antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah:

- i) Mempermudahkan peniaga-peniaga kecil memperbaharui lesen perniagaan;
- ii) Memberi moratorium semua premis perniagaan milik PBT/Kerajaan selama 3 bulan;
- iii) Membenarkan peniaga-peniaga kecil berniaga di dalam kawasan rumah mereka dengan syarat mereka kemudian perlu memohon lesen perniagaan daripada PBT.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERUMAHAN)

Bentuk bantuan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang ialah:

- Kerajaan Negeri Pahang telah memberikan pengecualian bayaran sewa rumah Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)/Rancangan Rumah Murah (RRM) iaitu diskaun sebanyak 100% daripada kadar bayaran asal sewaan tersebut bagi bulan April dan Mei 2020.
- Potongan sewaan sebanyak 100% ini tidak perlu dibayar semula kepada Kerajaan Negeri Pahang.
- Potongan sewaan sebanyak 100% bagi bulan April dan Mei 2020 berjumlah lebih kurang RM600,000.00 yang melibatkan 2,453 penyewa.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT YAB. MENTERI BESAR PAHANG DAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG

- a) Kerajaan negeri melalui MMK Ke-20/2020 bertarikh 20 Mei 2020 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah tahun 2020 bagi semua hak milik tanah di negeri Pahang sehingga 31 Julai 2020. Denda lewat hanya akan dikenakan mulai 1 Ogos 2020.
- b) Kerajaan negeri melalui MMK Ke-25/2020 bertarikh 24 Jun 2020 telah bersetuju memberikan remisyen kadar cukai tanah tahun 2020 seperti berikut:
- i. Tanah pertanian yang berkeluasan melebihi 40 hektar diberikan remisyen tambahan sebanyak RM75.00/hektar daripada RM250.00/hektar kepada RM175.00/hektar.
 - ii. Tanah industri di Daerah Kecil Gebeng diberikan remisyen tambahan sebanyak RM0.30/meter persegi daripada RM1.00/meter persegi kepada RM0.70/meter persegi.
 - iii. Tanah bangunan (perniagaan) di Daerah Kecil Gebeng diberikan remisyen sebanyak RM2.00/meter persegi daripada RM3.00/meter persegi kepada RM1.00/meter persegi.
 - iv. Kadar minimum cukai tanah bangunan (perniagaan) di Daerah Kecil Gebeng diberikan remisyen sebanyak RM300.00 daripada RM600.00 kepada RM300.00.
 - v. Tanah bangunan (perniagaan) di Tanah Desa di semua daerah (kecuali Daerah Kecil Gebeng dan Genting) diberikan remisyen sebanyak 50% daripada RM1.00/meter persegi kepada RM0.50/meter persegi bagi Daerah Zon A dan daripada RM0.80/meter persegi kepada RM0.40/meter persegi bagi Daerah Zon B.
 - vi. Kadar minimum cukai tanah bangunan (perniagaan) di Tanah Desa bagi Daerah Zon A diberikan remisyen sebanyak RM100.00 daripada RM300.00 kepada RM200.00.
 - vii. Bersetuju supaya kadar cukai tanah bangunan (institusi pengajian tinggi awam) bagi Daerah Zon A, diberikan remisyen sebanyak RM2.15/meter persegi daripada RM2.50/meter persegi kepada RM0.35/meter persegi dan bagi Daerah Zon B, remisyen sebanyak RM1.65/meter persegi daripada RM2.00/meter persegi kepada RM0.35/meter persegi dengan syarat peratus penggunaan tanah hendaklah sekurang-kurangnya 80% daripada keluasan tanah.

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG

Kerajaan Negeri Pahang amat prihatin terhadap rakyat yang memerlukan perhatian, sokongan dan bantuan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam menghadapi wabak COVID-19.

Antara bentuk bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada golongan yang terjejas akibat wabak COVID-19 di negeri Pahang ialah:

1. Bantuan kewangan bulanan (Bantuan Am) bagi keluarga yang memperolehi pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semasa.
 - a) Peruntukan bantuan kewangan bulanan (Bantuan Am) yang disalurkan oleh kerajaan negeri bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM13,710,000.00.
 - b) Penerima bantuan kewangan bulanan (Bantuan Am) sehingga Julai 2020 adalah sebanyak 2,840 orang.
2. Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka (KWAMP) Negeri Pahang.
 - a) Kerajaan negeri telah menyediakan satu tabung khusus untuk membantu rakyat negeri Pahang yang ditimpa bencana yang dikenali sebagai Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka (KWAMP) Negeri Pahang. Ia telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tabung ini bertujuan untuk menanggung perbelanjaan berkaitan pemberian bantuan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal dan apa-apa juga perbelanjaan yang tertanggung semasa kerja-kerja pemulihan mangsa bencana.
 - b) Sehingga 10 Julai 2020, perbelanjaan bagi pengurusan bencana negeri Pahang adalah sebanyak RM807,782.00. Perbelanjaan ini termasuklah menguruskan mangsa wabak COVID-19.
 - c) Mulai bulan Mei 2020, kerajaan negeri telah menaikkan peruntukan tahunan Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka (KWAMP) Negeri Pahang daripada RM2 juta kepada RM3 juta.

3. Bantuan bakul makanan COVID-19.
 - a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak 22,000 unit bakul makanan untuk diagihkan kepada keluarga yang terkesan secara langsung di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1,650,000.00.
 - b) Pengagihan dibuat adalah berdasarkan kepada aduan yang diterima melalui panggilan telefon ke Bilik Gerakan JKM Negeri/Daerah/Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah, Talian Kasih 15999 dan rujukan pemimpin tempatan.
 - c) Di samping itu, pengagihan bantuan bakul makanan kepada mangsa yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini mendapat kerjasama yang erat daripada Sekretariat Bencana Negeri Pahang, APM, RELA dan Sukarelawan Kebajikan.

4. Kolaborasi Strategik dengan Sekretariat Bencana Negeri Pahang.
 - a) Sekretariat Bencana Negeri Pahang diwujudkan bagi menyelaras 48 pertubuhan sukarelawan bencana di negeri ini agar lebih teratur, sistematik dan strategik dari segi pengurusan dan pergerakan bantuan ketika bencana.
 - b) Sekretariat ini turut membantu agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana di seluruh negeri Pahang sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.
 - c) Kolaborasi strategik antara sekretariat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan lagi aktiviti pengagihan bantuan keperluan harian kepada individu dan keluarga yang terjejas akibat wabak COVID-19.
 - d) Selain bantuan kerajaan negeri, sekretariat ini turut menerima sumbangan daripada orang awam serta 30 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang prihatin dengan nasib golongan memerlukan termasuk keluarga miskin, warga emas, ibu tunggal, pesakit kronik dan mereka yang terputus bekalan makanan.
 - e) Sekretariat Bencana Negeri Pahang telah mengagihkan bantuan kepada lebih 1,100 ketua keluarga yang membuat permohonan melalui JKM.

5. Intervensi Sokongan Psikologi COVID-19.

- a) Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang turut menyediakan khidmat intervensi sokongan psikologi kepada Person Under Investigation (PUI), komuniti, waris pesakit, petugas JKM dan lain-lain petugas.
- b) Jenis intervensi yang dijalankan adalah tele-kaunseling, Psychological First Aid, penaksiran psikologi dan bimbingan psikologi.
- c) Seramai 353 orang yang telah mendapat manfaat melalui pelaksanaan intervensi sokongan psikologi COVID-19 ini.

JAWAPAN DARIPADA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
(BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN)**

- b) Untuk makluman, antara usaha kerajaan negeri dalam membantu golongan usahawan yang terkesan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah dengan memberi pengecualian bayaran sewa premis milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk bulan April dan Mei 2020 bagi yang mempunyai premis perniagaan. Manakala bagi peniaga kecil yang terdiri daripada peniaga pasar malam, pasar tani, peniaga pekan sehari dan penjaja pula diberikan sumbangan barangan keperluan (bernilai RM50) dan wang tunai (bernilai RM100) semasa di dalam tempoh PKP. Selain itu, kerajaan negeri juga telah menyediakan inisiatif pemulihan ekonomi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Antara inisiatif tersebut adalah dengan membenarkan perniagaan dijalankan di sekitar kawasan rumah tanpa memerlukan lesen perniagaan, tetapi hanya perlu membuat pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN 7.

Adalah difahamkan bahawa Ahli Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di seluruh negeri Pahang masih belum dilantik sepenuhnya.

- a) Berapakah kekosongan yang masih wujud di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Pahang sehingga sekarang?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam memenuhi kekosongan Ahli Majlis PBT di negeri Pahang?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN)

Untuk makluman, kerajaan negeri boleh melantik Ahli Majlis sekurang-kurangnya 8 orang dan tidak melebihi 24 orang. Walau bagaimanapun, pengisian ini adalah bergantung kepada keperluan sesuatu kawasan dan kemampuan kewangan kerajaan negeri seperti yang terkandung di dalam Seksyen 10, Akta 171. Pada masa ini, tiada keperluan untuk memenuhi kuota maksima bilangan ahli majlis PBT seluruh negeri.

PERTANYAAN 8.

Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung Baru (JKKKB) di negeri Pahang masih belum dilantik.

Apakah status pembentukan JKKKB di negeri Pahang?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN)

Untuk makluman, kertas cadangan mewujudkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (Kampung Baru) (JKKKB) di negeri Pahang adalah dalam pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dan akan mula dilaksanakan selewat-lewatnya Ogos 2020.